

PM kesal AS naikkan tarif keluli import

UM 8 MAR 2002

KUALA LUMPUR 7 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kesal dengan keputusan Amerika Syarikat (AS) menaikkan tarif keluli import dan Malaysia akan menyertai negara lain untuk mengambil tindakan terhadap Washington.

Perdana Menteri berkata, tekanan boleh dikenakan ke atas AS memandangkan banyak negara lain termasuk Jepun dan Kesatuan Eropah yang tidak berpuas hati dengan tindakan negara itu menaikkan sehingga 30 peratus tarif keluli import.

“Kalau ada banyak negara yang tidak berpuas hati, kita boleh bersama-sama berbuat sesuatu mengenainya tetapi kalau kita sahaja susah sedikit,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sesi dialog selepas menyampaikan ucapan di Sidang Kemuncak Ekonomi Asia di Hotel Renaissance di sini, hari ini.

Selasa lalu, Presiden AS, George W. Bush mengumumkan kenaikan tarif sehingga 30 peratus bagi beberapa jenis keluli import dengan alasan untuk membantu industri keluli AS yang sedang tenat.

Pengeluar utama keluli dunia termasuk Kesatuan Eropah, Jepun dan Korea Selatan menyatakan akan membuat aduan rasmi kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mengenai tindakan AS itu.

Sementara itu, Perdana Mente-

ri berkata, pasaran tidak boleh dibuka sepenuhnya tanpa pengawasan kerajaan kerana ia boleh dipergunakan oleh syarikat swasta bagi memenuhi kepentingan mereka sahaja.

“Ahli-ahli perniagaan sendiri hanya akan menyokong pembukaan pasaran sekiranya mereka mendapat keuntungan daripadanya.

“Jika sesuatu yang merugikan berlaku, mereka akan datang kepada kerajaan dan menyuruh kita mewujudkan pelbagai sekatan bagi melindungi mereka,” kata Perdana Menteri.

Ditanya mengenai janaan pertumbuhan negara, Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan yang sedang membangun tidak boleh bergantung kepada pertumbuhan berasaskan permintaan tempatan.

“Jumlah perdagangan di Malaysia adalah kira-kira 200 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar, jadi kita tidak boleh bergantung kepada permintaan tempatan sahaja atau kita tidak boleh mencatat pertumbuhan ekonomi langsung,” tegasnya.

Beliau menegaskan, Malaysia tidak boleh mencontohi model negara maju seperti AS dan Jepun yang bergantung kepada permintaan rakyatnya kerana pendapatan per kapita negara ini jauh lebih rendah.